

17 JAN 2001

ASMAT-MITI

ASMAT BERSARA SEBAGAI KETUA SETIAUSAHA MITI

KUALA LUMPUR, 17 Jan (Bernama) -- Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) Tan Sri Asmat Kamaludin hari ini mengucapkan selamat tinggal selepas berkhidmat di kementerian itu selama hampir 35 tahun.

Asmat yang akan berusia genap 57 tahun esok telah menyertai kementerian itu pada Februari 1966 dan berkhidmat di bawah sembilan menteri perdagangan termasuk Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Jawatan yang dikosongkan oleh beliau akan dipenuhi oleh timbalan ketua setiausaha MITI sekarang, Abdul Razak Ramli.

Razak menyertai MITI pada 1985 sebagai penolong pengarah rundingan perdagangan duahala. -- BERNAMA

SHO JR